



**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
"PELAN KESELAMATAN & KAWALAN KEMALANGAN LALU LINTAS
DI SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN SELURUH NEGARA"**







**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) ‘PELAN KESELAMATAN
& KAWALAN KEMALANGAN LALU LINTAS DI SEKOLAH-SEKOLAH
KERAJAAN SELURUH NEGARA’**

*Disediakan oleh : Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE)
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*



JIKA TERJADI INSIDEN:

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
"PELAN KESELAMATAN DAN KAWALAN
KEMALANGAN LALU LINTAS DI SEKOLAH-SEKOLAH"

NOMBOR-NOMBOR PENTING / KECEMASAN



Ambulan (Paramedik)

991



Pasukan Polis Diraja Brunei

993



Pasukan Bomba dan
Penyelamat

995



Pasukan Mencari dan
Menyelamat

998



Jabatan Kerja Raya

140



Jabatan Perkhidmatan Elektrik

144



Talian Darussalam

123



Bahagian HSSE

**2235578/
7250999**

Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan

2340214

Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

2381133

Jabatan Sekolah-Sekolah

2230511

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) : GARISPANDU KESELAMATAN JALAN RAYA (LALU LINTAS) DI SEKOLAH-SEKOLAH

ISI KANDUNGAN:

1. TUJUAN	5
2. SKOP & APLIKASI	5
3. PELAN KESELAMATAN & LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN	
i. PERANAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN	6
ii. PERANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH	6
iii. PERANAN JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET	7
iv. PERANAN SEKOLAH	9
4. KEJADIAN KEMALANGAN DAN PELAN KECEMASAN	12
5. TINDAKAN SELEPAS KEJADIAN	14

KUMPULAN PENYELIDIK DAN SIDANG EDITORIAL

Penasihat

Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus

Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan

Ketua

Yang Mulia Pengiran Nazrul Arif bin Pengiran Dato Paduka Haji Mohd Zain

*Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan

*Mantan Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

Setiausaha

Yang Mulia Awang Abdul Aziz bin Haji Mohamad Ali

Unit Keselamatan

*Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

Ahli-Ahli

Yang Mulia Pengiran Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim

*Ketua Bahagian Pengurusan dan Perkembangan
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

Yang Mulia Awang Haji Helmezulkifli bin Abdullah

Ketua Unit Kawalan Keselamatan

*Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

Yang Mulia Awang Haji Hassan bin Haji Shamsuddin

Mantan Ketua Unit Kawalan Keselamatan

*Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

Yang Mulia Dayang Hajah Rosnah @ Raneya Maisurah binti Haji Salleh

Ketua Unit Rancangan Permakanan Sekolah

*Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

1. TUJUAN

Dokumen ini disediakan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan guru-guru, pelajar-pelajar dan semua warga di sekolah-sekolah Kerajaan diseluruh Negara Brunei Darussalam akan sentiasa diambil perhatian dengan cara :-

- 1.1 Memastikan semua aspek keselamatan guru-guru, pelajara-pelajar dan warga sekolah yang berkaitan dengan penggunaan jalan raya, kawasan letak kereta, jalan melintas pejalan kaki dan sebagainya, akan sentiasa dipantau untuk mengelakan kejadian kemalangan.
- 1.2 Menyediakan garis pandu bagi langkah-langkah pencegahan dan juga tindakan dan tata-cara yang perlu diambil jika berlakunya kemalangan lalu lintas dikawasan sekolah;
- 1.3 Memupuk kesedaran dan kesiapsiagaan di kalangan warga sekolah agar bersedia menghadapi dan menangani keadaan jika berlakunya kemalangan lalu lintas di kawasan sekolah;
- 1.4 Mengurangkan keadaan gangguan yang disebabkan oleh kejadian atau kemalangan lalu lintas dikawasan sekolah bagi memastikan kesinambungan pembelajaran pelajar-pelajar dan juga tugas-tugas tenaga pengajar dan warga sekolah;

2. SKOP & APLIKASI

Dokumen ini menyediakan prosedur dan garispandu operasi keselamatan, pencegahan dan kawalan kemalangan jalanraya bagi kejadian yang berlaku dikawasan sekolah termasuk jalan keluar dan masuk, tempat letak kereta, laluan pejalan kaki dan tempat perhimpunan (assembly point).

lanya ditujukan kepada Guru Besar/Pengetua dan guru pengawas di sekolah-sekolah Kerajaan diseluruh Negara, dan ianya perlu disalurkan kepada semua warga sekolah, ibubapa/penjaga pelajar, pemandu bas sekolah, kontraktor-kontraktor dan juga pembekal-pembekal dan sesiapa jua yang menggunakan jalan raya dan kawasan lalu lintas sekolah.

3. PELAN KESELAMATAN & LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN

Seksyen ini menyenaraikan beberapa tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan-Jabatan yang berkenaan di bawah Kementerian Pendidikan sebagai langkah-langkah pencegahan bagi memastikan tiada berlaku kemalangan lalu lintas di sekolah-sekolah.

3.1 Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan : Bahagian HSSE

- i. Menempatkan pengawal keselamatan / penjaga sekolah bagi mengawasi pelajar-pelajar semasa datang dan balik.
- ii. Memastikan pengawal keselamatan berkawal di tempat /pondok keselamatan bagi mengawal keluar masuk kenderaan ke sekolah terutama waktu bermula dan balik sekolah.
- iii. Memastikan adanya pelantikan seorang Pegawai atau Kakitangan sekolah (paling minima) sebagai *First Aider* bagi menangani sebarang kejadian kemalangan.
- iv. Membuat lawatan pemeriksaan ke sekolah-sekolah dalam memastikan kawasan keluar/ masuk kenderaan, laluan pejalan kaki, tempat penurunan / pengambilan pelajar-pelajar serta tempat letak kenderaan bagi guru-guru dan kakitangan sekolah adalah terkawal daripada kejadian yang tidak diingini.
- v. Menyediakan laporan dan seterusnya menyalurkan penemuan daripada hasil lawatan tersebut ke agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan untuk ulasan dan ketetapan mengenainya.

3.2 Peranan Jabatan Sekolah-Sekolah :

- i. Menyelaras dengan Pengetua/Guru Besar dan Bahagian HSSE mengenai cadangan bagi peningkatan di dalam aspek keselamatan pelajar-pelajar terutamanya hal-ehwal keselamatan di kawasan sekolah semasa penghantaran dan pengambilan, kawalan lalu lintas, tempat berkumpul (assembly area), kawasan permainan, dan tempat menunggu.

3.3 Peranan Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet :

- i. Membuat pemeriksaan terhadap kawasan sekolah dalam aspek lalu lintas (tempat keluar dan masuk kenderaan dan laluan pejalan kaki ke sekolah).
- ii. Menyediakan laluan Zebra (hitam putih).

- iii. Menyediakan tempat letak kereta yang bersesuaian dan selamat di kawasan sekolah dan memasang label 'Kawasan Letak Kereta'
- iv. Menyediakan papan tanda (*signage*) laluan masuk keluar sekolah ditempat-tempat yang sesuai bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama pada waktu *peak hours*.
- v. Menyediakan kawasan penurunan dan pengambilan pelajar yang bersesuaian, efektif, lancar dan selamat.
- vi. Menyediakan tempat dan kawasan penurunan barangan (*loading bay*) yang bersesuaian dan selamat bagi kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal sekolah.
- vii. Menyediakan tanda-tanda keselamatan dan diletakkan di tempat yang bersesuaian. Tanda-tanda tersebut adalah seperti berikut :-



Perlahan / Kawasan Sekolah



Isyarat kurangkan laju



Jalan Masuk



Awas Laluan Pejalan Kaki



Bukan Tempat Letak Kereta



Jalan Keluar



Letak kereta untuk pelawat



Letak Kereta untuk Guru-Guru & Kakitangan



Tanda meletakkan kereta secara Reverse Parking



Tempat Pemungghahan Barang



Tanda Bendul



Berhenti



Tanda had kelajuan



Isyarat beri laluan



Tidak dibenarkan menunggu



Tanda masuk kebenaran hanya untuk bas sekolah



Tidak dibenarkan masuk

- vii. Membina pagar keselamatan untuk kawasan letak kereta untuk guru-guru atau pelawat dan juga zon-zon bahaya bagi menghalang pelajar-pelajar memasuki kawasan tersebut.

3.4 Peranan Sekolah

- i. Pengetua / Guru Besar mestilah mengetahui garispandu keselamatan jalan raya (lalu lintas) dan system traffic control yang di sediakan oleh agensi-agensi berkenaan seperti Majlis Keselamatan Jalan raya (MKJR), Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan dan sebagainya.
- ii. Pengetua / Guru Besar perlu melantik; guru pengawas bagi mengawal keselamatan lalu lintas dikawasan sekolah; *First Aider* dan lain-lain mengikut keperluan sekolah, dan memastikan kesemua guru pengawas dan *First Aider* yang dilantik perlu menjalani kursus dan latihan, serta bersedia untuk menangani kejadian kemalangan atau apa jua keadaan kecemasan seperti yang ditetapkan didalam tugas dan tanggungjawab lantikan.
- iii. Sentiasa secara proaktif membuat pemeriksaan ke atas kawasan lalu lintas, kawasan letak kereta, kawasan permainan dalam keadaan baik dan selamat bagi mengelakkan kemalangan berlaku.
- iv. Pengetua / Guru Besar memastikan pelajar-pelajar hendaklah berada di dalam kawasan sekolah semasa waktu penurunan dan pengambilan.
- v. Membuat permohonan ke Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet untuk sebarang keperluan di kawasan sekolah terutamanya aspek lalu lintas seperti penyediaan tempat khusus letak basikal dan laluan basikal.
- vi. Memastikan jalan masuk dan keluar tidak terhalang semasa penghantaran dan pengambilan pelajar-pelajar.
- vii. Pengetua / Guru Besar dan Guru Pengawas sentiasa mengingatkan pelajar-pelajar tentang keselamatan jalan raya di kawasan sekolah melalui perhimpunan pagi/ perkumpulan pelajar-pelajar.
- viii. Memberikan maklumat berhubung keselamatan jalan raya di kawasan sekolah melalui poster/ risalah kepada pelajar-pelajar dan ibu-bapa / penjaga.



- ix. Mengingatkan kepada guru-guru, warga sekolah dan ibu-bapa/penjaga untuk mematuhi peraturan dan undang-undang lalu lintas dan tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu.
- x. Pihak sekolah memastikan zon-zon merbahaya di kawasan sekolah terkawal dan tidak membenarkan pelajar-pelajar memasuki atau mendekati zon-zon tersebut.
- xi. Guru-guru yang dilantik secara berjadual diingatkan untuk mengawasi keselamatan pelajar-pelajar terutama sewaktu rehat dan balik sekolah.
- xii. Sekolah untuk melaksanakan aspek keselamatan lalu lintas berpandukan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang disediakan.
- xiii. Bagi Guru-Guru dan Kakitangan Sekolah hendaklah peka semasa meletakkan kereta dan memastikan enjin kereta sudah dimatikan dan juga *hand brake* sudah 'ditarik' sebelum meninggalkan kenderaan.
- xiv. Guru-Guru atau warga sekolah tidak dibenarkan memindahkan kereta atau keluar pada waktu rehat terutama di kawasan zon lalu lintas yang melibatkan keberadaan pelajar-pelajar kecuali sebab kecemasan.
- xv. Pagar tempat keluar dan masuk hendaklah ditutup mengikut masa yang telah ditetapkan.



- xvi. Pihak sekolah juga hendaklah meletakkan kon-kon di kawasan yang tidak boleh digunakan oleh mana-mana pihak terutama pada tempat yang boleh mengganggu perjalanan atau menyekat pengaliran lalu lintas.
- xvii. Menyediakan tempat permainan pelajar yang bersesuaian dan selamat bagi penggunaanya dan dikawal atau dipagar jika perlu.
- xviii. Menyediakan penjaga lintasan sekolah *Lollypop Man* bagi menyeberangkan para pelajar di jalan utama dan seterusnya memberikan latihan dan jadual bertugas. Sekolah juga akan menyediakan pakaian *Lollypop Man* berwarna kuning dan papan tanda **BERHENTI** seperti ilustrasi di bawah ini :-



atau



- xix. Pengetua / Guru Besar dan tenaga-tenaga pengajar untuk merancang waktu-waktu yang sesuai bagi pelawat-pelawat, kontraktor-kontraktor dan juga pembekal-pembekal bagi langkah mengelakkan kesesakan lalu lintas dikawasan sekolah terutamanya waktu menghantar dan mengambil pelajar-pelajar.
- xx. Pengetua / Guru Besar untuk menyediakan laporan penilaian risiko (*Risk Assessment*) ke atas kawasan lalu lintas sekolah sekurang-kurangnya 1 (satu) tahun sekali atau bila-bila waktu yang diperlukan, termasuk laporan kejadian nyaris (*near-miss incidences*), dan diserahkan kepada Bahagian HSSE, Jabatan Pentadbiran Kementerian Pendidikan untuk penilaian dan langkah-langkah pencegahan kemalangan yang berterusan.
- xxi. Sekolah mengadakan *joined exercise* bersama agensi-agensy yang terlibat sekurang-kurangnya dalam satu tahun sekali.
- xxii. Memaparkan nombor-nombor kecemasan di tempat yang mudah dan jelas dilihat di kawasan sekolah.

4. KEJADIAN KEMALANGAN & PELAN KECEMASAN

Seksyen ini menyentuh dan menerangkan prosedur, tindakan-tindakan dan tatacara yang perlu diambil bagi menangani kejadian kemalangan lalu lintas di kawasan sekolah yang melibatkan kecederaan kepada pelajar, guru atau warga sekolah yang lain. Cadangan prosedur berdasarkan kepada amalan-amalan baik (*best practices*) adalah seperti berikut;

- 4.1 Pegawai Keselamatan Sekolah / *School safety officer* (SSO), Pengawal Keselamatan atau sesiapa jua yang mendapati kejadian kemalangan (termasuk pelajar, guru, kakitangan dan warga sekolah yang lain termasuk Penjaga Malam) hendaklah melaporkan terus kepada Pengetua / Guru Besar di sekolah berkenaan berhubung dengan kemalangan tersebut;
- 4.2 Pegawai Keselamatan Sekolah, guru-guru pengawas keselamatan atau mana-mana warga sekolah berkenaan yang berada ditempat kejadian akan segera mengambil tindakan terhadap kemalangan tersebut seperti berikut;

- i. Mengawal dan menutup kawasan kemalangan dengan bantuan pegawai keselamatan dan guru-guru, dan tidak membenarkan pelajar-pelajar atau kenderaan-kenderaan memasuki kawasan kemalangan bagi mencegah berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini. Jika lokasi kemalangan melibatkan kawasan jalan utama, seorang pengawal dimestikan mengawal aliran trafik untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas.
- ii. Memberikan pertolongan kepada mangsa kemalangan dengan bantuan *First Aider*. *First Aider* yang terlatih dikehendaki menilai keadaan dan tahap kecederaan mangsa dan memberikan rawatan kecemasan yang bersesuaian, misalnya membetulkan posisi mangsa ke *recovery position* dan sebagainya.
- iii. Menghubungi;
 - Ambulan (Paramedik) melalui Talian **991**
 - Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Talian **993**
 - Pasukan Bomba & Penyelamat melalui Talian **995**

Semasa menghubungi agensi-agensi tersebut, pemanggil mestilah memaklumkan dengan jelas beserta dengan butir-butir penting seperti lokasi dan alamat penuh tempat kejadian, jenis kemalangan, jumlah/keadaan dan tahap kecederaan mangsa, jenis rawatan yang sudah diberikan dan apa jua butir-butir yang dikehendaki oleh agensi-agensi yang berkenaan.
- iv. Pihak sekolah menghubungi ibu bapa / penjaga atau suami/isteri atau orang terdekat mangsa (*Next of Kin*) berkenaan mengenai dengan kejadian tersebut.
- v. Mangsa yang mengalami kecederaan akan ditempatkan ke bilik khas *Sick Bay* dan diberi rawatan kecemasan oleh *First Aider* sementara menunggu bantuan lanjutan daripada paramedik.
- vi. Akan bekerjasama dengan pasukan Polis Diraja Brunei dalam kerja-kerja penyiasatan kemalangan.
- vii. Akan bekerjasama dengan pihak Paramedik untuk proses penyerahan mangsa bagi rawatan lanjutan.

4.3 Pengetua / Guru Besar hendaklah mengawal semua warga sekolah agar tidak panik dan dalam keadaan tenang.

- 4.4 Sementara proses pengawalan kemalangan sedang dijalankan (seperti yang dijelaskan didalam perkara 4.2 & 4.3 diatas), Pengetua atau Guru Besar atau Pegawai Keselamatan Sekolah atau wakil hendaklah memaklumkan dan menghubungi:-
- i. Jabatan Sekolah-Sekolah,
 - ii. Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.
- 4.4 Ketua Bahagian HSSE akan memaklumkan kepada Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan berhubung dengan kejadian kemalangan tersebut.
- 4.5 Pengarah pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan seterusnya akan memaklumkan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, dan;
- 4.6 Mengadakan perbincangan di tempat kejadian yang dihadiri oleh Pengetua / Guru Besar, Ketua Bahagian HSSE dan Jabatan Sekolah-Sekolah dan agensi-agensi yang berkenaan (jika perlu), antaranya untuk membincangkan punca kejadian, langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani isu-isu undang-undang yang mungkin ditimbulkan, kesan dan akibat kejadian kemalangan kepada mangsa/warga sekolah (trauma dan sebagainya), dan juga cara pengendalian media.

5. TINDAKAN SELEPAS KEJADIAN

5.1 Peranan Sekolah

- i. Pengetua atau Guru Besar akan membuat laporan dan hasil siasatan kejadian tidak lebih dari 24 jam selepas kejadian dan menghadapkan maklumat tersebut kepada Jabatan Sekolah-Sekolah dan Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.

Laporan ini hendaklah juga mengandungi dengan cadangan pembaikan bagi mengukuhkan keselamatan lalu lintas di kawasan sekolah seperti berikut;

- (a) membuat perubahan dan melaksanakan dengan segera sistem keselamatan dan aliran lalu lintas yang sedia ada kepada sistem yang lebih efektif dan selamat;

- (b) perubahan dan pembaikan struktur lalu lintas di kawasan sekolah dan membuat permohonan segera kepada pihak-pihak yang berkenaan.
- ii. Sekolah memberikan taklimat keselamatan dan peringatan kepada warga sekolah, pelajar-pelajar dan ibu bapa / penjaga pelajar mengenai peraturan lalu lintas di kawasan sekolah terutamanya jika ada pengubahsuaian atau pembaharuan kepada sistem keselamatan dan peraliran lalu lintas di sekolah tersebut. Misalnya tempat keluar / masuk, tempat yang dibenarkan dan tidak dibenarkan untuk penurunan dan mengambil pelajar-pelajar, tempat yang tidak dibenarkan menunggu dan sebagainya.
- iii. Jika keadaan memerlukan, mengarahkan guru-guru tambahan untuk membantu Pengawal Keselamatan mengawasi keadaan lalu lintas / pergerakan kereta-kereta terutama semasa penghantar dan balik sekolah mengikut jadual yang telah di tetapkan oleh pihak sekolah.

5.2 Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

- i. Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan melalui Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) bekerjasama dengan Sekolah untuk menyediakan laporan mengenai punca kejadian kemalangan dan mencadangkan tindakan-tindakan yang perlu diambil seperti pembaikan dan pengubahsuaian ke atas sistem keselamatan lalu lintas di sekolah yang sedia ada.
- ii. Laporan ini hendaklah mengandungi hasil siasatan dan cadangan-cadangan untuk pembaikan dan dihadapkan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan.
- iii. Menyelaras dengan Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet (JPPE), Jabatan Sekolah Sekolah (JSS) dan 'agensi-agensi yang berkenaan' untuk membuat penilaian cadangan perubahan dan penubahsuaian sistem keselamatan lalu lintas dikawasan sekolah yang sedia ada.

5.3 Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet


Secara amnya Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet bertanggungjawab untuk membuat pembaikan hasil dari siasatan dan punca kemalangan dengan segeranya, dan jika perlu menambah dan mengubahsuai infrastruktur yang sudah sedia ada seperti;

- i. Menyediakan tempat keluar / masuk kenderaan yang lebih sesuai, lebar, selesa dan selamat dan mengikut piawai dan garispuandu yang ditetapkan oleh Jabatan dan agensi Kerajaan yang berkenaan.
- ii. Menyediakan para pelajar tempat menunggu (*waiting shed*) yang lebih luas, selesa, selamat, terkawal dan mudah diawasi (dan dipagar jika perlu).
- iii. Menyediakan papan tanda (*signages*) yang lebih jelas dilihat oleh semua pengguna kawasan lalu lintas sekolah yang terbabit.
- iv. Menyediakan bendul (*speed hump*) dan laluan zebra (*zebra crossing*) di tempat menunggu dan melintas untuk mengawal had laju kenderaan.
- v. Memotong dahan pokok / rumput lalang tumbuhan-tumbuhan tinggi/ panjang atau struktur-struktur yang boleh menutup atau menyekat pandangan lalu lintas.

5.4 Agensi-Agensi Yang Berkenaan

- i. Agensi-Agensi yang dimaksudkan disini adalah agensi-agensi yang terlibat dalam hal ehwal lalu lintas iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengangkutan Darat, dan Pasukan Polis Diraja Brunei.
- ii. Pihak agensi-agensi yang disebutkan akan menyediakan laporan hasil daripada kejadian kemalangan dan akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan mengenai cadangan pembaharuan seperti mengemaskini dasar dan garispuandu keselamatan yang sedia ada bagi tujuan membantu mencegah kes dan kejadian seumpamanya agar tidak berulang di masa hadapan.

TATACARA MENANGANI KEJADIAN KEMALANGAN LALU LINTAS DI SEKOLAH-SEKOLAH



Pegawai Keselamatan Sekolah / Pengawal Keselamatan / guru - guru pengawas dengan segera mengawal kawasan kemalangan dan *First Aider* memberi pertolongan kepada mangsa dan memberi rawatan kecemasan.

Pegawai Keselamatan Sekolah atau warga sekolah memaklumkan dengan segera kepada Pengetua atau Guru Besar di sekolah yang berkenaan mengenai dengan kejadian kemalangan tersebut.

Pengetua / Guru Besar atau wakil hendaklah menghubungi dengan segera Pasukan Perubatan (medic), Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba & Keselamatan (Jika diperlukan), Jabatan Sekolah-Sekolah dan Bahagian HSSE*, Kementerian pendidikan.

Mengarahkan warga sekolah supaya bersikap tenang & hubungi keluarga mangsa

Pengetua / Guru Besar akan mengingatkan supaya warga sekolah tidak panik dan melarang memasuki kawasan kemalangan tersebut. Pada masa yang sama menghubungi ibu-bapa / penjaga / suami / isteri / keluarga terdekat mangsa tentang kemalangan berkenaan.

Teruskan rawatan perubatan kecemasan & tunggu pasukan tiba

Tertakluk kepada keadaan mangsa dan tahap kecederaan, *First Aider* akan meneruskan bantuan perubatan kecemasan kepada mangsa, menempatkan mangsa ke tempat yang lebih sesuai dan selamat dan menyerahkan mangsa secara teratur kepada Pasukan Paramedik setelah tiba ke tempat kejadian.

Perbincangan tentang punca kejadian, dan tindakan / langkah-langkah seterusnya.

Pengetua/Guru Besar, Ketua Bahagian HSSE, Jabatan Sekolah-Sekolah dan agensi-agensi yang berkenaan mengadakan perbincangan ditempat kejadian untuk membincangkan punca kejadian dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan dengan serta merta.

Tamat

*Ketua Bahagian HSSE akan segera memaklumkan kepada Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, dan Pengarah Pentadbiran akan seterusnya memaklumkan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan.




PENGHARGAAN

*Jabatan Sekolah-Sekolah
Kementerian Pendidikan*

*Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet
Kementerian Pendidikan*

*Jabatan Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan*

*Jabatan Pengangkutan Darat
Kementerian Perhubungan*





Bahagian Kesihatan, Keselamatan
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE)
Jabatan Pertadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan